

APRIL-DISEMBER 2017

Bengkel Psychological First Aid (PFA)

Bengkel Psychological First Aid (Air Asia)



Persidangan Meja Bulat **Majlis Penasihat Kaunselor**

Lawatan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)



Perjumpaan
bersama
**SUK
NEGERI
SELANGOR**

Mesyuarat Khas Lembaga Kaunselor

Mesyuarat Jawatankuasa Standard Kelayakan



Booth pameran sempena
**Seminar Profesionalisme
Guru Bimbingan dan
Kaunseling**

Bengkel Perkongsian dan Sesi
Pengesahan Kelayakan Kaunselor
Berdaftar Bil. 6/2017

Sesi Pengesahan Kelayakan
Kaunselor Berdaftar Bil. 8/2017

Sesi Pengesahan Kelayakan
Kaunselor Berdaftar Bil. 9/2017

Sesi Pengesahan Kelayakan
Kaunselor Berdaftar Bil.10/2017

Sesi perkongsian ilmu bengkel

Bengkel Penulisan dan Laporan Kaunseling 2017

Bengkel Garis Panduan Penulisan Laporan
Kaunseling kerjasama dengan MARA

Bengkel Kaunseling Penyalahgunaan Dadah

PETIKAN KOD ETIKA KAUNSELOR LEMBAGA KAUNSELOR

B.1 Menghormati hak-hak klien

B.1.a. Petimbangan multibudaya dan kepelbagaian

Kaunselor perlu sedar dan peka terhadap makna kerahsiaan dan privasi mengikut budaya. Kaunselor hendaklah menghormati pandangan yang berbeza mengenai pendedahan maklumat. Kaunselor juga perlu mengadakan perbincangan terus menerus dengan klien mengenai bagaimana, bila, dan dengan siapa maklumat dikongsi.

BOOTH PAMERAN LEMBAGA KAUNSELOR

Lembaga Kaunselor telah dijemput untuk oleh Majlis Guru Kaunseling Wilayah Kuala Lumpur untuk membuka booth pameran sempena Seminar Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling bertempat di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada 10 April 2017.



BENGKEL PSYCHOLOGICAL FIRST AID (PFA) 2017

Bengkel Psychological First Aid (PFA) telah di adakan pada 11 & 12 April 2017 dan 17 & 18 Ogos 2017 bertempat di Pejabat Lembaga Kaunselor, Aras 19, KPWKM, Putrajaya.

Bengkel ini adalah dijalankan atas kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bersama Lembaga Kaunselor. Seramai 30 orang kaunselor dari kementerian telah menghadiri bengkel ini. Penceramah bengkel adalah Tuan Haji Hairol Kamal bin Abd Rahman.



BENGKEL GARIS PANDUAN PENULISAN LAPORAN KAUNSELING KERJASAMA MARA



Bengkel Garis Panduan Penulisan Laporan Kaunseling telah diadakan pada 12 dan 13 April 2017 bertempat di Bangunan MARA Jalan Raja Laut. Panel yang terdiri daripada Presiden Lembaga Kaunselor, Prof Madya Dr Salleh Amat dan Dr Wan Marzuki. Bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada kaunselor MARA dalam menulis laporan kaunseling.

MESYUARAT KHAS LEMBAGA KAUNSELOR

Mesyuarat Khas Lembaga Kaunselor telah di adakan 18 April 2017 dalam membincangkan tentang perlaksanaan Sistem Mata Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar dan penganjurkan Seminar Lembaga Kaunselor yang akan di adakan pada bulan Oktober nanti.



B.1.b. Menghormati privasi

Kaunselor perlu menghormati hak klien untuk mendapat privasi klien. Kaunselor mendapatkan maklumat sulit daripada klien hanya apabila ianya berfaedah kepada proses kaunseling.



BENGKEL PSYCHOLOGICAL FIRST AID (AIR ASIA)

Bengkel Psychological First Aid (Air Asia) telah dijalankan pada 20 April 2017 dan 21 April 2017 bertempat di Lapangan Terbang Kuching, Sarawak. Bengkel yang dijalankan ini adalah kerjasama Lembaga Kaunselor dan Air Asia Berhad. Panel yang mengendalikan bengkel ini adalah Tn.Hj Hairol Kamal, Puan Hj Nor Amni binti Yusoff (Presiden Lembaga Kaunselor) dan En. Edris bin Aden.



B.1.c. Menghormati kerahsiaan

Kaunselor tidak boleh berkongsi maklumat rahsia tanpa persetujuan klien atau tanpa justifikasi etika atau undang-undang yang mantap.

PERJUMPAAN BERSAMA SUK NEGERI SELANGOR



Perjumpaan bersama SUK negeri Selangor pada 25 Mei 2017. Perkongsian daripada Pendaftar Lembaga Kaunselor berkenaan isu kaunseling di Malaysia.

BENGKEL KAUNSELING PENYALAHGUNAAN DADAH

Bengkel Kaunseling Penyalahgunaan Dadah telah diadakan pada 8 dan 9 Mei 2017 bertempat di Aras 19, KPWKM, Putrajaya. Bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada kaunselor dalam menangani isu penyalahgunaan dadah di Malaysia.



B.1.d. Penjelasan mengenai batasan

Di peringkat awal dan sepanjang proses kaunseling, kaunselor perlu memberitahu klien mengenai batasan kerahsiaan dan mengenal pasti situasi tertentu yang diduga di mana kerahsiaan mesti didedahkan.

MESYUARAT JAWATANKUASA STANDARD KELAYAKAN

Mesyuarat Jawatankuasa Standard Kelayakan telah diadakan pada 29 dan 30 Mei 2017 untuk membuat semakan program-program kaunseling di Malaysia bertempat di Q Hotel Kuala Lumpur. Mesyuarat ini dipengerusi oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Standard dan Kelayakan iaitu Dr Wan Marzuki bin Wan Jaafar



BENGKEL PERKONGSIAN DAN SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BIL.6/2017

Bengkel Perkongsian dan Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor Berdaftar Bil.6/2017 telah dijalankan di Masjid MINDEF, Kuala Lumpur pada 2 Mei 2017. Sesi Pengesahan ini bertujuan bagi mendaftarkan kaunselor dari Jabatan Kor Arah Negara dan Tentera Darat.



PERSIDANGAN MEJA BULAT MAJLIS PENASIHAT KAUNSELOR

Persidangan Meja Bulat Majlis Penasihat Kaunselor telah diadakan pada 11 Mei 2017. Tiga (3) isu utama yang dibincangkan ialah berkaitan Kompetensi Kaunselor, Program Latihan Kaunseling Di IPT dan Isu Kaunseling Kontemporari.



*Setiap kesalahan
mendorong kita
berubah menjadi
peribadi lebih baik*

-Ainy Fauziah-

LAWATAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS)

Lawatan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) ke Lembaga Kaunselor pada 18 Mei 2017. Lawatan ini telah dihadiri oleh 25 orang kaunselor dari MAINS.



SESI PERKONGSIAN ILMU BENGKEL PEMURNIAN PERATURAN PROFESION KERJA SOSIAL

Pada 15 Jun 2017 presiden telah menghadiri sesi perkongsian ilmu bengkel pemurnian peraturan profesion kerja sosial di Jabatan Kebajikan Masyarakat.



SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BAGI BULAN APRIL - DISEMBER 2017

Temuduga pengesahan kelayakan bagi pendaftaran Kaunselor Berdaftar (KB) dan Perakuan Amalan (PA) telah diadakan di Putrajaya dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor sebanyak empat (4) sesi iaitu dari bulan April sehingga bulan Disember 2017.

Seramai 556 calon telah hadir sesi pengesahan kelayakan kaunselor berdaftar ini. Panel sesi pengesahan kelayakan terdiri dari Dr Wan Marzuki bin Wan Jaafar, Puan Hajah Nor Amni binti Yusoff, Prof Madya Dr Salleh bin Amat dan Puan Mumtaj Begum binti Mohd Sultan.



"Do not pray for an easy life, pray for a strength to endure a difficult one."

Bruce Lee

BENGKEL PENULISAN DAN LAPORAN KAUNSELING SIRI 2 & 3/2017

Bengkel Penulisan dan Laporan Kaunseling telah diadakan pada 31 Julai & 1 Ogos 2017 dan 6 & 7 November 2017 di Dewan Persidangan Aras 21, KPWKM dan disertai seramai 35 orang peserta.



SEMINAR KEBANGSAAN PEMANTAPAN KAUNSELOR 2017

Pada 4 & 5 Oktober 2017 telah berlansungnya satu Seminar peringkat kebangsaan yang diadakan di Dewan Perdana Nur KPWKM. Antara Objektif seminar ini diadakan adalah seperti memantapkan pengetahuan dan kemahiran pengamal perkhidmatan kaunseling agar dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan cemerlang kepada masyarakat. Ramai pihak tidak melepaskan peluang dengan menghadiri seminar ini terutamanya kaunselor berdaftar, penjawat awam dan orang awam.



MESYUARAT AHLI LEMBAGA KAUNSELOR BIL.3/2017

Pada 30 November 2017 di Bilik Mesyuarat Pejabat Lembaga Kaunselor Aras 19, telah berlangsungnya satu mesyuarat Ahli Lembaga Kaunselor bagi membincangkan pelbagai perancangan dan pelaksanaan aktiviti tahunan Lembaga Kaunselor, isu semasa yang berkaitan dengan bidang kaunseling dan profesionalisme Kaunselor Berdaftar. Melalui mesyuarat ini juga anggota Lembaga Kaunselor berpeluang untuk bertukar-tukar pandangan dan pendapat berkaitan isu dan ilmu baharu dalam bidang dan amalan kaunseling.



*Keberuntungan adalah
sesuatu dimana
persiapan bertemu
dengan kesempatan
(Oprah Winfrey)*

‘Kehidupan adalah berkat, kerananya nikmatilah. Jangan menyesal masa lalu dan takut akan masa depan’

–Kata Pujangga–